

**NO SOALAN :392****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)****PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam jadual setiap barangan bersubsidi dan barangan yang tiada bersubsidi tetapi sebelum ini ada. Senaraikan perubahan subsidi tersebut sebelum 2012 sehingga sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mula melaksanakan rasionalisasi subsidi sebagai salah satu langkah pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) sejak tahun 2013 bagi mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi yang lebih bersasar. Di bawah prinsip ini,

pemberian subsidi tetap diteruskan tetapi disasarkan hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan. Pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi dapat meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara serta menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih cekap. Ketirisan perbelanjaan Kerajaan dapat dikurangkan khususnya melalui pengurangan kegiatan penyeludupan dan penyelewengan serta penggunaan barangan bersubsidi oleh warga asing.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM178.8 bilion untuk subsidi dan bantuan sosial bagi tempoh 2012 hingga 2016. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak RM102 bilion dibelanjakan untuk subsidi barangan dan perkhidmatan seperti bahan api, beras, tepung gandum, minyak masak, gula, diskaun bekalan elektrik, bayaran pampasan tol dan subsidi pertanian. Jumlah subsidi tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Subsidi Barangan dan Perkhidmatan (RM bilion)</b>	31.5	29.5	23.7	9.3	8.0	<b>102</b>

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, subsidi bahan api telah berkurangan daripada RM24.7 bilion pada tahun 2012 kepada RM2.4 bilion pada tahun 2016 berikutan pelaksanaan langkah rasionalisasi bagi harga runcit RON95 dan diesel bermula Disember 2014. Selain itu, subsidi seperti gula, beras, tepung gandum dan minyak masak telah berkurang berikutan pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi seperti berikut:

<b>Barangan</b>	<b>Tarikh rasionalisasi subsidi</b>
Gula	Mansuh pada Oktober 2013
Beras ST15	Mansuh pada Oktober 2015
Tepung Gandum	Mansuh 25 kg tetapi 1 kg dikekalkan bermula Mac 2016
Minyak masak	Mansuh 1 hingga 5 kg botol tetapi 1 kg paket dikekalkan bermula November 2016

4. Selain itu, bagi tempoh 2012 hingga 2016, Kerajaan juga telah membelanjakan sejumlah RM76.8 bilion untuk bantuan sosial seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (RM20.3 bilion), bantuan kebajikan masyarakat (RM17.1 bilion) dan bantuan pendidikan (RM39.4 bilion)

bagi memastikan golongan B40 terus mendapat bantuan bagi menangani kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Langkah rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada masa ini adalah bagi membolehkan Kerajaan menyediakan lebih banyak peruntukan untuk program dan kemudahan yang memberi manfaat kepada rakyat terutamanya kelompok B40. Langkah ini juga akan meningkatkan kecekapan perbelanjaan Kerajaan, seterusnya mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Hal ini adalah penting bagi memastikan kemampanan fiskal jangka panjang dan mengekalkan daya tahan ekonomi negara seterusnya meningkatkan keupayaan Kerajaan untuk melaksanakan langkah kitaran balas (*counter-cyclical measures*) dalam menyokong ekonomi jika menghadapi krisis. Walaupun Kerajaan komited dalam langkah konsolidasi fiskal dan rasionalisasi subsidi, namun, kebajikan dan kepentingan rakyat tetap menjadi keutamaan. Oleh yang demikian, sebarang inisiatif pembaharuan fiskal akan diperhalusi dengan teliti bagi mengimbangi kesejahteraan rakyat dengan keperluan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara.